

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	15/2/2011

Beri pelarian Palestin permit kerja - Dr. M



SHAH ALAM 14 Feb. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (gambar) meminta kerajaan menimbangkan pemberian permit kerja kepada pelarian Palestin yang berada di negara ini.

Beliau berkata, pertimbangan itu harus difikirkan oleh kerajaan kerana sebilangan warga negara itu dilihat sukar untuk menyara kehidupan mereka di negara ini khususnya yang telah berkeluarga.

Katanya, meskipun ada warga Palestin yang berada di negara ini diberikan tempat meneruskan pengajian termasuk atas

biasiswa, ia masih belum cukup untuk memastikan mereka mempunyai pendapatan sendiri.

"Pada masa ini, ada pelajar Palestin belajar di sini dan diberikan biasiswa. Akan tetapi mereka tidak boleh bekerja untuk menyara diri mereka kerana mengikut dasar kerajaan, mereka harus ada permit.

"Ada antara mereka (warga Palestin) berjumpa saya dan menyatakan kesukaran itu. Saya harap kerajaan dapat pertimbangkan perkara ini (pemberian

permit kerja) kepada mereka.

"Kadang-kadang yang berada di negara ini dengan keluarga mereka. Saya harap pertimbangan simpati daripada kerajaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pertubuhan Kebudayaan Palestin Malaysia (PCOM) di Kompleks Taman Seni Islam Selangor di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Pengerusi PCOM, Mohamad Hussein Ahmad.

Mengulas lanjut mengenai penubuhan

PCOM, Dr. Mahathir memberitahu objektif utamanya bukan hanya untuk memelihara budaya masyarakat Palestin yang kini cuba dihapuskan oleh rejim Zionis tetapi juga membangkitkan kesedaran umat Islam di Malaysia dan seluruh dunia selain membantu mengurangkan penderitaan mereka.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Dr. Mahathir mengingatkan umat Islam negara ini supaya bersatu dan membentuk satu organisasi tersusun agar tidak ditindas oleh mana-mana pihak.